

Fenomena air pasang di Sarawak

KUCHING - Hujan di daerah Kuching dan Bau di Sarawak sehingga hujung minggu ini, dijangka semakin berkurangan berbanding suasana hujan lebat sekali-sekala yang berlarutan di dua kawasan itu sejak dua hari lalu.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Datu Misnu Taha berkata, bagaimanapun keadaan banjir dijangka tidak akan pulih dengan serta merta di kawasan berkenaan disebabkan fenomena air pasang besar yang

melanda ketika ini.

Menurutnya, fenomena itu dijangka berlaku pada petang semalam dan awal pagi ini, selain orang ramai yang tinggal di dua daerah berkenaan, terutama di kawasan rendah, diminta berwaspada sepanjang masa dan menghubungi pihak berkuasa serta merta jika memerlukan sebarang bantuan.

Katanya, baraj di Sungai Sarawak di sini dibuka sepanjang masa ketika ini bagi membolehkan air yang mengalir deras dari hulu sungai melaluinya dengan lancar untuk terus ke laut.

"Namun keadaan air pasang di laut untuk dua atau tiga hari ini tidak dapat meredakan keadaan banjir di dua daerah itu dengan pantas," katanya.

Bercakap dalam satu persidangan media selepas memengerusikan mesyuarat jawatankuasa pengurusan bencana



Banjir di Sarawak menyebabkan lebih 2,500 penduduk dipindahkan sejak kelmarin.

negeri di Wisma Bapa Malaysia semalam, beliau berkata semasa fenomena air pasang, paras air laut dijangka melonjak sehingga sekitar 6.1 meter, berbanding 2.4 meter ketika ini.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pertahanan Awam Negeri Sarawak, Siti

Huzaimah Ibrahim ketika dihubungi berkata sehingga kini 15 pusat pemindahan dibuka di daerah Kuching dan lima di daerah Bau.

Katanya, beberapa pusat pemindahan, terutama di kawasan-kawasan rendah di sekitar dua daerah itu sedang

bersiap sedia untuk dibuka ekoran air pasang besar petang ini dan pagi esok.

Semua agensi terlibat diletakkan dalam keadaan berwaspada dan bersiap sedia sejak beberapa hari lalu untuk menyoerakan pemindahan dan bantuan. - *Bernama*

Jumlah mangsa banjir meningkat

KUCHING - Jumlah mangsa banjir yang dipindahkan di daerah Kuching dan Bau meningkat kepada 2,679 orang daripada 694 keluarga, berbanding sekitar 2,501 orang daripada 656 keluarga pagi semalam.

Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Pertahanan Awam Negeri Sarawak, Siti Huzaimah Ibrahim berkata, 14 pusat pemindahan telah dibuka di daerah Kuching.

Namun, katanya jumlah mangsa di Dewan Serbaguna Taman Malihah yang paling ramai menempatkan mangsa iaitu seramai 469 orang malam kelmarin sudah berkurangan kepada 66 orang.

Beliau berkata, sementara di daerah Bau, satu lagi pusat pemindahan di buka di Surau Dahrul Idayah malam tadi menjadikan jumlahnya kini lima buah. - *Bernama*